



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“BERLUMBA-LUMBA MELAKUKAN KEBAJIKAN”**

**Tarikh Dibaca :**

**13 ZULHIJJAH 1442H/  
23 JULAI 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**“BERLUMBA-LUMBA MELAKUKAN KEBAJIKAN”****13 ZULHIJAH 1442H /23 JULAI 2021**

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيْهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ أَيْنَ مَا تَكُونُوا

يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿ البقرة: ١٤٨

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“BERLUMBA-LUMBA MELAKUKAN KEBAJIKAN”**.

Khatib juga ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh

pihak berkuasa. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah SWT agar diangkat segera wabak ini. Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian kerana ini antara ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Allah SWT memerintahkan kita untuk berlumba-lumba dalam melakukan kebajikan. Sama ada kebajikan untuk diri sendiri, juga kebajikan untuk orang lain. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 148 yang dibacakan pada mukaddimah khutbah tadi bermaksud:

*“Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.*

Kebajikan dalam Islam merangkumi segala perkara baik yang diredhai Allah SWT. Kesemua amalan kebajikan yang kita lakukan akan mendapat ganjaran di sisi Allah SWT. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda:

لَقَدْ رَأَيْتُ رَجُلًا يَتَقَلَّبُ فِي الْجَنَّةِ فِي شَجَرَةٍ قَطَعَهَا مِنْ ظَهْرِ الطَّرِيقِ كَأَنَّهُ تُوذِي النَّاسَ

**Maksudnya:** “Aku telah melihat seseorang yang bersenang-senang di dalam syurga kerana dia telah membuang kayu yang berjuntai di jalan dan kayu tersebut mengganggu orang yang lalu”. **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

Dalil yang dikemukakan dari al-Quran dan hadis ini secara jelas menyatakan bahawa setiap kebaikan, walaupun sekecil mengalihkan sesuatu halangan di jalanan akan mendapat ganjaran dan keredhaan Allah SWT. Maka, apakah lagi alasan kita untuk meninggalkan melakukan kebajikan?

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Dalam suasana pandemik, tekanan ekonomi sangat terasa. Pasti ada dari kalangan kita yang kehilangan pekerjaan, hilang sumber pendapatan, hilangnya ahli keluarga yang bertanggungjawab mencari nafkah dan pelbagai bentuk kesusahan lain. Dalam masa yang sama, kita juga mendapati bahawa keprihatinan seluruh rakyat di Negara ini harus diberi pujian. Masing-masing berlumba untuk membantu orang-orang lain yang kesempitan dan dalam kesusahan. Pelbagai inisiatif telah diwujudkan sama ada oleh agensi kerajaan, swasta, mahupun persendirian dalam usaha membantu orang lain. Allah SWT telah memberi jaminan kepada para dermawan sekalian bahawa kedermawanan mereka itu akan menyelamatkan mereka dari perasaan takut dan rasa dukacita dalam diri. Hal ini sebagaimana firman-Nya:

﴿ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ

رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾

**Maksudnya:** “Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita.” (Surah al-Baqarah ayat 274)

Rasulullah SAW juga memberi berita gembira kepada orang-orang yang dermawan dan peringatan kepada orang yang kedekut. Sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا  
وَيَقُولُ الْآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا

**Maksudnya:** “Tiada hari ketika para hamba masuk waktu pagi hari melainkan ada dua malaikat yang turun kepadanya, kemudian salah satunya berdoa: ‘Ya Allah! Berilah

*(rezeki) pengganti kepada orang yang berinfaq’; manakala yang lain berdoa: ‘Ya Allah! Timpakanlah kehancuran kepada orang yang kedekut’.* **(Muttafaqun ‘alaih)**

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Harta, tenaga, dan buah fikiran yang kita infaqkan pada jalan Allah SWT ini tidak akan berkurang sedikit pun nilainya di sisi Allah SWT. Allah SWT akan menggantikan dengan pahala yang berlipat ganda dan melimpahkan rahmat dan keberkatan-Nya pada hartanya dan keluarganya. Teruslah berlumba-lumba melakukan kebajikan kerana pasti rahmat Allah SWT akan melimpahi kita semua. Jika kita tidak mampu menjadi lebah yang menghasilkan madu untuk manfaat manusia, janganlah pula kita menjadi langau dan lalat yang sibuk mencari sampah dan menyebarkan kuman dan virus kepada manusia lain.

Mengambil semangat Aidiladha, marilah kita meneruskan momentum kedermawanan lebih-lebih lagi dalam suasana kita masih lagi berdepan dengan pandemik wabak Covid-19 ketika ini. Khatib juga ingin mengingatkan kepada semua agar lakukan kebajikan dengan ikhlas, sabar, dan istiqamah kerana inilah kunci penerimaan Allah SWT terhadap segala kebajikan yang kita lakukan.

Mengakhiri khutbah pada hari ini khatib ingin merumuskan tiga perkara dari khutbah yang telah disampaikan:

**Pertama:** Allah SWT dan Rasul-Nya menganjurkan kita untuk berlumba-lumba melakukan kebajikan.

**Kedua:** Setiap kebajikan yang dilakukan, walaupun kecil pada pandangan manusia mempunyai nilai yang besar di sisi Allah SWT.

**Ketiga:** Berlumba-lumbalah melakukan kebajikan dengan ikhlas, sabar dan istiqamah serta bantulah orang lain dalam melakukan kebajikan kerana pasti Allah SWT akan melimpahkan rahmat dan keberkatan-Nya kepada kita semua. Insya-Allah.

Firman Allah SWT:

﴿ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ

لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

**Maksudnya:** “Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa”. (Surah ali ‘Imran ayat 133)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ الأجزاء: ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكَنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا  
سَرِي قَدُوْكَ بَكِيْنْدَا يَغْ دَفْرَتُوَانِ اَكُوْغْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ  
شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سَرِي قَدُوْكَ بَكِيْنْدَا رَاجِ قَرْمَيسُورِي اَكُوْغْ،  
تُونْكَو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيْزَةَ أَمِيْنَةَ مِيْمُونَةَ إِسْكَندَرِيَّةَ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى  
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّا نَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْغَيْبِ ﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾ النحل: ٩٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .